JUZU' KE-30

SURAH AL-IKHLAS

SURAH KE

112

سُورَةُ الإِخْلَاص

SURAH AL-IKHLAS

Surah Ketulusan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

4

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!) Allah itu Maha Esa(1). Allah itu selama-lamanya tumpuan seluruh makhluk(2). Tiada pernah beranak dan tiada pula pernah diperanakkan(3). Dan tiada siapa pun yang setanding dengan-Nya"(4).

Surah yang pendek ini menyamai satu pertiga Al-Qur'an sebagaimana yang telah diterangkan di dalam hadith-hadith yang sahih. Ujar al-Bukhari: Kami telah diceritakan oleh Ismail katanya: Saya telah diceritakan oleh Malik daripada Abdul Rahman ibn Abdullah ibn Abu Sa'sa'ah daripada bapanya:

عن أبي سعد ، أن رجلاً سمع رجلاً يقرأ : ((قل هو الله أحد)) يرددها . فلما أصبح جاء إلى النبي – صلى الله عليه وسلم – فذكر ذلك له – وكأن الرجل يتقالها – فقال النبي – صلى الله عليه وسلم – : ((والذي نفسي بيده ، إنها لتعدل ثلث القرآن))..

"Dari Abu Sa'd, ada seorang yang mendengar seorang lelaki membaca قل هو الله أحد *dengan berulang-ulang kali. Pada pagi keesokan ia datang menemui Nabi s.a.w., lalu ia menyebutkan cerita itu kepada beliau seolah-olah ia merasa surah itu sangat sedikit, lalu Nabi s.a.w. berkata:* ***"Demi jiwaku di tangan-Nya, sesungguhnya surah itu menyamai satu pertiga Al-Qur'an."*** [1]

Tiada sesuatu keanehan dalam sabda Rasulullah s.a.w. ini kerana 'aqidah keesaan yang diperintah supaya diumumkan beliau dengan قل هو الله أحد itu merupakan 'aqidah hati nurani, pentafsiran bagi alam dan merupakan satu sistem hidup, kerana surah ini mengandungi garis-garis pokok yang amat luas mengenai hakikat agung Islam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

Konsep Keesaan Allah

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!) Allah itu Maha Esa."(1)

Kata-kata أحد lebih halus dari kata-kata واحد, kerana kata-kata أحد menambahkan kepada kata-kata واحد pengertian, tiada suatu yang lain di samping Allah dan tiada suatu yang setanding dengan Allah.

Itulah hakikat keesaan kewujudan Allah. Di sana tiada hakikat melainkan hakikat Allah, tiada kewujudan hakiki melainkan kewujudan Allah. Segala maujud yang lain adalah mengambil kewujudan mereka dari kewujudan Allah yang hakiki, dan mengambil hakikat mereka darii hakikat zatiyah Allah.

Kerana inilah ia juga merupakan hakikat keesaan Pencipta, tiada yang lain dari-Nya yang menciptakan sesuatu atau menjadi daya pencipta dalam sesuatu di alam ini. Itulah 'aqidah hati nurani, dan itulah juga pentafsiran bagi kewujudan alam. Apabila pentafsiran ini mantap dalam hati dan kefahaman ini jelas dan terang, maka bersihlah hati dari segala kepercayaan yang karut dan dari segala pergantungan dengan yang lain dari zat Allah yang esa dan unik dengan hakikat kewujudan dan hakikat kuasa pencipta.

Yakni hati itu bersih dari pergantungan dengan sesuatu yang lain di alam al-wujud ini jika ia tidak bersih dari perasaan adanya sesuatu yang lain. Justeru itu tiada hakikat bagi sesuatu kewujudan kecuali kewujudan Ilahi, dan tiada hakikat bagi sesuatu kuasa pencipta kecualii hakikat kuasa pencipta iradat Ilahiyah sahaja. Oleh sebab itu tidak ada ertinya hati itu bergantung dengan sesuatu yang tidak mempunyai sebarang hakikat bagi kewujudannya dan sebarang hakikat bagi kuasa penciptaan-Nya.

Apabila hati telah bersih dari segala perasaan terhadap yang lain dari hakikat Allah yang tunggal dan bersih dari pergantungan kepada yang lain dari hakikat Allah, maka ketika itu ia akan bebas dari segala belenggu dan ikatan, bebas dari keinginan nafsu yang menjadi punca berbagai-bagai belenggu, juga bebas dari sebarang ketakutan yang menjadi sumber berbagai-bagai ikatan. Apa lagi yang

[1] *Diriwayatkan oleh al-Bukhari.*

diingininya sedangkan ia tidak kehilangan sesuatu sesudah ia mendapat Allah, dan siapa lagi yang patut ditakutinya sedangkan di sana tidak ada kuasa penciptaan selain kuasa penciptaan Allah sahaja?

Apabila mantapnya kefahaman ini yang tidak melihat di alam ini selain hakikat Allah sahaja, maka ia akan melihat hakikat ini pada segala kejadian yang lain yang lahir dari hakikat itu. Di tahap inilah hati seseorang akan melihat qudrat Allah menguasai segala sesuatu yang dilihatnya, dan pada tahap yang lebih tinggi dari tahap ini ia tidak nampak sesuatu di alam buana ini melainkan hanya Allah, kerana di sana tiada hakikat yang lain yang dilihatnya melainkan hanya hakikat Allah.

Begitu juga ia akan menolak kuasa penciptaan sebab-sebab (causes), malah ia akan memulangkan segala sesuatu, segala peristiwa dan segala gerak kepada Allah sebagai sebab pertama yang melahirkannya dan mempengaruhinya. Inilah hakikat yang amat ditekankan oleh Al-Qur'an dalam usaha menegakkan kefahaman keimanan. Kerana itu Al-Qur'an selama-lamanya menafikan sebab-sebab yang lahir dan menghubungkan segala sesuatu secara langsung kepada kehendak Allah:

وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَـٰكِنَّ ٱللَّهَ رَمَىٰ

"Bukan engkau yang memanah ketika engkau memanah tetapi Allahlah yang memanah."

(Surah al-Anfal: 17)

وَمَا ٱلنَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِندِ ٱللَّهِ

"Tiada kemenangan melainkan dari sisi Allah."

(Surah al-Anfal: 10)

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ

"Dan kamu tidak menentukan kehendak kamu kecuali dikehendaki Allah."

(Surah at-Takwir: 29)

Lain-lain ayat yang seperti ini memang banyak. Dengan penolakan semua sebab-sebab yang lahir dan mengembalikan segala-galanya kepada kehendak Allah Yang Tunggal, akan tercurahlah rasa ketenteraman di dalam hati, dan dapatlah ia mengenal arah tawajjuh di mana ia meminta kepada-Nya apabila ia inginkan sesuatu, dan berlindung pada-Nya apabila ia merasa takut, dan seterusnya ia bersikap tenang terhadap segala kuasa dan kekuatan efektif dan terhadap segala sebab yang lahir yang tidak mempunyai hakikat dan kewujudan sejati.

Inilah anak-anak tangga jalan menuju kepada Allah yang dicuba oleh ahli-ahli tasawwuf, dan mereka telah ditarik jauh oleh hakikat ini. Ini ialah kerana Islam mahukan manusia menyusuri jalan yang membawa kepada hakikat keesaan ini semasa mereka menghadapi realiti kehidupan dengan segala ciri-cirinya, atau semasa mereka menjalani kehidupan manusia dan memegang khilafah di bumi dengan segala nilai-nilainya di mana mereka merasa tiada hakikat yang sebenar melainkan hakikat Allah, dan tiada kewujudan yang sebenar melainkan kewujudan Allah dan tiada kuasa penciptaan melainkan kuasa penciptaan Allah dan mereka tidak berkehendak kepada jalan yang lain dari jalan ini.

* * * * * *

Konsep Tauhid Melahirkan Sistem Hidup Yang Sempurna Dan Positif

Dari sinilah lahirnya satu sistem hidup yang sempurna yang ditegakkan di atas pentafsiran tadi yang menimbulkan berbagai-bagai kefahaman, perasaan dan arah-arah tujuan dalam hati seseorang.

Itulah satu sistem beribadat kepada Allah Yang Tunggal, di mana tiada hakikat bagi kewujudan yang lain, melainkan kewujudan-Nya dan tiada hakikat bagi kuasa penciptaan yang lain melainkan kuasa penciptaan-Nya dan tiada kesan bagi iradat yang lain melainkan iradat-Nya.

Itulah satu sistem bertawajjuh kepada Allah Yang Tunggal sama ada ketika berada dalam kegemaran dan ketakutan, sama ada dalam kesenangan dan kesusahan, kerana apalah gunanya bertawajjuh kepada yang lain dari Allah yang tidak mempunyai kewujudan hakiki dan tidak mempunyai apa-apa kuasa di alam ini?

Itulah satu sistem menerima dari Allah Yang Tunggal dalam segala urusan 'aqidah, kefahaman, nilai-nilai, ukuran-ukuran, syari'at, undang-undang, kedudukan, peraturan, adab cara dan tradisi-tradisi. Penerimaan perkara-perkara ini pastilah dari Allah yang mempunyai kewujudan yang esa dan hakikat yang unik di alam realiti dan hati nurani.

Itulah satu sistem bergerak dan bertindak kerana Allah sahaja untuk mencari perdampingan dengan-Nya dan untuk menghindarkan diri dari rintangan-rintangan dan kekeliruan yang menyesatkan, sama ada yang wujud di dalam diri sendiri atau di sekelilingnya yang berupa benda dan manusia dan di antaranya ialah rintangan diri sendiri, belenggu keinginan nafsu dan ketakutan kepada sesuatu di alam ini.

Itulah satu sistem yang menghubungkan di antara hati manusia dengan segala makhluk yang lain dengan hubungan kasih sayang, saling simpati, saling menyambut, kerana bukanlah maksud melepaskan diri dari belenggu-belenggu kejadian alam ini ialah menaruh perasaan benci terhadapnya dan lari dari berhubung dengannya, kerana semua makhluk adalah dari ciptaan Allah. Semuanya mengambil kewujudannya dari kewujudan Allah dan semuanya dilimpahkan dengan nur hakikat Allah. Oleh kerana itu seluruh makhluk harus disayangi belaka kerana seluruhnya merupakan pemberian dan kurnia dan Allah yang amat dikasihi.

Kebebasan Dalam Islam Bukan 'Uzlah Dan Bukan Pula Pelarian

Itulah satu sistem yang luhur dan bebas, di mana bumi ini dipandang sebuah alam yang kecil, kehidupan dunia sebuah kehidupan yang pendek dan keni'matan hidup dunia juga suatu keni'matan yang sedikit, dan usaha mencapai kebebasan dari rintangan-rintangan dan kekotoran-kekotoran dunia merupakan matlamat dan cita-cita (orang yang beriman), tetapi kebebasan di dalam Islam bukan bererti pemencilan diri, bukan bererti pengabaian dan bukan pula bererti kebencian dan pelarian, malah ia bererti percubaan dan perjuangan yang berterusan untuk memajukan manusia seluruhnya dan untuk membebaskan kehidupan mereka seluruhnya, kerana itu manusia diserahkan teraju khilafah dan kepimpinan dengan segala tugas-tugas dan kewajipannya, serta diberi kebebasan dengan segala nilai-nilainya sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini.

Pembebasan diri dengan bertapa di rumah-rumah ibadat merupakan satu perkara yang mudah, tetapi Islam tidak mahu cara itu, kerana tugas menegakkan khilafah di bumi dan tugas memimpin umat manusia merupakan sebahagian dari sistem agama Allah untuk pembebasan manusia. Ia merupakan satu cara yang amat sukar, tetapi itulah satu-satunya cara yang dapat menegakkan insaniyah manusia dan menjamin kemenangan rohnya yang luhur di dalam dirinya. Pendeknya kebebasan di dalam Islam ialah kebebasan roh manusia menuju kepada Allah selaku sumber yang melahirkannya. Ia juga bererti perjuangan manusia untuk merealisasikan hakikat rohnya yang luhur, agar dapat bekerja di bidang yang dipilih untuknya oleh Allah Penciptanya Yang Maha Bijaksana.

* * * * * *

Tauhid Dalam Islam Merupakan Keseluruhan Agama

Kerana ini semua, maka da'wah Islam, di tahapnya yang pertama, ditumpukan kepada usaha menegakkan hakikat tauhid dalam hati manusia dengan gambaran jelas seperti ini, kerana konsep tauhid dengan gambaran seperti ini merupakan 'aqidah hati nurani, pentafsiran bagi kewujudan alam dan sistem bagi kehidupan. Tauhid bukan kata-kata yang diucapkan dengan lidah, malah bukan suatu gambaran yang tersimpan di dalam hati, malah tauhid merupakan keseluruhan agama, dan segala perincian dan cabang-cabang yang lain darinya hanya merupakan hasil tabi'i dari kemantapan hakikat tauhid yang tersemat di dalam hati manusia.

Penyelewengan-penyelewengan yang menimpa umat-umat Ahlil-Kitab di zaman dahulu dan yang telah merosakkan 'aqidah, kefahaman-kefahaman dan kehidupan mereka, adalah pada mulanya berlaku akibat dari terhapusnya gambaran tauhid yang murni dan kemudian diikuti pula oleh segala penyelewengan yang lain.

Kesan Pertama Dari 'Aqidah Tauhid Ialah Syari'at

Ciri yang membezakan gambaran tauhid di dalam 'aqidah Islam ialah cirinya yang meresap dalam seluruh kehidupan, dan seluruh kehidupan itu ditegakkan di atas asasnya. Ia menjadi tapak bagi semua program amali dalam kehidupan, kesan-kesannya kelihatan jelas di dalam bidang perundangan sebagaimana kelihatan jelas di dalam bidang kepercayaan. Kesan pertama dari 'aqidah tauhid ialah syari'at Allah merupakan undang-undang yang tunggal yang memerintah semua urusan kehidupan. Apabila kesan ini tidak wujud bererti 'aqidah tauhid belum lagi berdiri teguh, kerana itu 'aqidah tauhid tidak mungkin tegak melainkan seluruh implikasinya direalisasikan di segenap bidang hidup.

* * * * * *

Maksud Allah itu Maha Esa ialah Allah itu satu-satunya tumpuan seluruh makhluk, tidak beranak dan tidak pula diperanakkan dan tiada siapa yang setanding dengan-Nya. Al-Qur'an menyebut butiran-butiran ini untuk menambahkan kejelasan.

(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 3)

Hakikat Tauhid

"Allah itu selama-lamanya tumpuan seluruh makhluk."(2)

Pengertian Allah Maha Esa ialah Allah itu bersifat sama ada tidak beranak dan tidak diperanak dan tiada tolok bandingnya. Perincian-perincian ini disebut Al-Qur'an dengan tujuan untuk menambahkan penjelasan. Makna الصمد dari segi bahasa ialah tuan penghulu yang dituju orang ramai, di mana tiada suatu urusan yang diputus melainkan dengan kebenarannya, Allah itulah Tuan yang sebenar, tiada tuan yang lain dari-Nya. Dia adalah Tunggal dalam ketuhanan-Nya, dan semua yang lain adalah hamba-Nya belaka. Dialah sahaja pihak yang ditujukan untuk mendapat hajat-hajat, dan Dialah sahaja yang menyahut seruan hamba-hamba-Nya yang mempunyai hajat. Dialah sahaja yang memutuskan segala perkara dengan keizinan-Nya, dan tiada siapa yang turut membuat keputusan bersama-Nya. Sifat ini dari awal lagi dapat difaham dari sifat-Nya Yang Maha Esa.

"Tiada pernah beranak dan tiada pula diperanakkan."(3)

Hakikat Wujud Azali

Maksudnya ialah hakikat Allah itu adalah hakikat yang wujud abadi dan azali lagi, Hakikat Allah tidak dipengaruhi, oleh keadaan demi keadaan. Dia

mempunyai sifat yang sempurna dalam segala keadaan. Makna kelahiran anak ialah kemunculan dan kesinambungan keturunan. Kelahiran anak merupakan satu kewujudan yang bertambah selepas kurang atau selepas tidak ada, dan semuanya ini mustahil pada Allah. Kelahiran anak juga memerlukan isteri yang sama kejadian dan ini juga mustahil bagi Allah kerana sifat Maha Esa itu sendiri mengandungi penolakan adanya ibubapa dan anak-anak.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 4)

Konsep Ahadiyah

وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ ﴿٤﴾

"Dan tiada siapa pun yang setanding dengan-Nya."(4)

Maksudnya ialah tiada siapa yang serupa dan setanding dengan-Nya, sama ada dari segi hakikat kewujudan, atau dari segi hakikat kuasa penciptaan, atau dari segi mana-mana sifat dari sifat-sifat zatiyah-Nya. Pengertian ayat ini juga tercapai dengan sifat-Nya Yang Maha Esa, tetapi ia disebut dengan tujuan menguat dan mentafsirkannya dengan terperinci, iaitu menolak kepercayaan wujud dua tuhan yang mendakwa bahawa Allah itu tuhan kebaikan dan di sana ada lagi satu tuhan yang lain iaitu tuhan kejahatan yang menentang Allah dan menentang kebaikan-kebaikannya dan menyebarkan kerosakan di muka bumi. 'Aqidah dua tuhan yang paling masyhur ialah 'aqidah yang dianuti orang-orang Parsi yang percayakan ada tuhan nur dan ada tuhan gelap. Kepercayaan ini terkenal di selatan Semenanjung Tanah Arab di mana pernah tegaknya kerajaan dan kekuasaan Parsi.

* * * * * *

Surah ini menegak dan menjelaskan 'aqidah tauhid Islam sebagaimana Surah al-Kafirun menafikan sebarang keserupaan atau menafikan wujudnya titik pertemuan di antara 'aqidah tauhid dengan 'aqidah syirik. Kedua-dua surah ini memperkatakan hakikat tauhid dari satu sudut yang tertentu. Rasulullah s.a.w. biasanya membuka hari siangnya dalam solat Sunat Fajar dengan membaca dua surah ini dan pembukaan ini mempunyai makna dan tujuannya yang besar.

* * * * * *